MukaSepuluh

uum/AA87/BH/13.6.2026/P: 10(1-3)

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Talian Terus: 03-2724 8588 | Hotline: 1300 22 6787 | Sambungan: 8588

Hubungan Malaysia, Jepun ke arah perkongsian strategik

- Jepun kini melihat Malaysia bukan sahaja sebagai rakan perdagangan dan pelaburan penting, tetapi rakan strategik mempunyai pengaruh serta kedudukan signifikan di rantau Asia Tenggara
- Selain semikonduktor, kedua-dua negara turut memperkukuh kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan, teknologi digital, tenaga boleh baharu dan keterjaminan tenaga

Dekan, Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Nazariah Osman
bhrencana@bh.com.my

Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jepun dari 8 hingga 10 Jun berlangsung ketika Asia berdepan persekitaran strategik semakin tidak menentu.

Persaingan kuasa besar semakin meruncing, ketegangan maritim di rantau Indo-Pasifik, gangguan rantaian bekalan global serta perkembangan pesat teknologi baharu mendorong banyak negara menilai semula hubungan dan keutamaan strategik masing-masing.

Dalam konteks ini, lawatan Perdana Menteri ke Jepun mencerminkan usaha dua negara memperkukuh kerjasama menghadapi cabaran baharu sedang membentuk masa depan Asia.

Secara tradisinya, hubungan Malaysia-Jepun dibina berasaskan kerjasama ekonomi. Jepun memainkan peranan penting dalam proses perindustrian Malaysia melalui pemindahan teknologi, pelaburan dan pembangunan sektor pembuatan sejak beberapa dekad lalu.

Namun, perkembangan semasa menunjukkan hubungan itu semakin berkembang melangkaui dimensi ekonomi semata-mata.

Jepun kini melihat Malaysia bukan sahaja sebagai rakan perdagangan dan pelaburan penting, tetapi rakan strategik mempunyai pengaruh serta kedudukan signifikan di rantau Asia Tenggara.

Dalam konteks ini, lawatan Perdana Menteri memberikan isyarat hubungan Malaysia-Jepun sedang memasuki fasa baharu lebih menyeluruh.

Selain perdagangan dan pelaburan, kedua-dua negara semakin memberi perhatian kepada bidang strategik seperti semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), ekonomi digital, keselamatan maritim, keterjaminan tenaga serta pembangunan industri berteknologi tinggi.

Antara acara paling mendapat perhatian sepanjang lawatan itu ialah syarahan khas Perdana Menteri di Universiti Tokyo bertajuk 'Humanity in a Human-Machine Civilisation'.

Syarahan itu menarik perhatian kerana tidak tertumpu kepada aspek teknikal AI semata-mata, sebaliknya mengangkat persoalan lebih besar mengenai hubungan antara teknologi, kemanusiaan dan masa depan peradaban.

Dalam syarahannya, Perdana Menteri menegaskan kemajuan teknologi tidak seharusnya diukur berdasarkan kecekapan dan produktiviti, tetapi perlu dinilai berdasarkan keupayaannya meningkatkan martabat manusia, mengurangkan ketidaksamaan dan memperkukuh nilai kemanusiaan.

Dengan merujuk kepada ahli falsafah Jepun, Watsuji Tetsuro, sasterawan Jepun Masaoka Shiki, William Shakespeare dan T S Eliot, beliau mengemukakan hujah AI mungkin mampu meniru bahasa dan tingkah laku manusia tetapi tidak mampu menggantikan pengalaman hidup, kasih sayang, empati dan pertimbangan moral menjadi asas kepada kemanusiaan.

> "Dalam konteks ini, lawatan Perdana Menteri memberikan isyarat hubungan Malaysia-Jepun sedang memasuki fasa baharu lebih menyeluruh"

Pendekatan intelektual seperti ini jarang sekali diketengahkan pemimpin politik dunia dan ia berjaya meletakkan Malaysia sebagai negara bukan sahaja mengejar pembangunan teknologi malah turut menitikberatkan dimensi etika dan kemanusiaan.

Satu lagi platform penting ialah penyertaan Perdana Menteri dalam Persidangan Antarabangsa Nikkei Masa Depan Asia.

Dalam forum itu, beliau menyentuh isu ketidaktentuan geopolitik, masa depan perdagangan bebas, cabaran teknologi serta peranan negara kuasa pertengahan dalam mengekalkan kestabilan antarabangsa.

Beliau menegaskan dunia tidak boleh terus terperangkap dalam persaingan kuasa besar bersifat sifar-jumlah, sebaliknya memerlukan lebih banyak kerjasama, dialog dan pembinaan konsensus.

Dalam hal ini, Malaysia dilihat cuba meletakkan dirinya sebagai antara negara menyokong pendekatan keterangkuman dan kerjasama serantau.

Malaysia pastikan kekal aman, terbuka

Sebagai negara perdagangan sangat bergantung kepada kestabilan ekonomi antarabangsa, Malaysia mempunyai kepentingan besar untuk memastikan rantau Indo-Pasifik kekal aman, terbuka dan berasaskan peraturan diterima bersama.

Keistimewaan lawatan ini turut terserlah melalui kesediaan Perdana Menteri berdepan dengan akademia dan profesional dalam sesi dialog terbuka.

Kesediaan beliau berdialog secara terbuka di Universiti Tokyo serta di forum Nikkei memperlihatkan keyakinan intelektual serta keterbukaan Malaysia terhadap pertukaran idea.

Ia juga menunjukkan Malaysia mempunyai pemimpin mampu berhujah dan mempertahankan pendiriannya dalam forum antarabangsa.

Dari sudut ekonomi, lawatan ini turut mencerminkan perubahan dalam keutamaan kerjasama Malaysia-Jepun.

Ketika syarikat Jepun berusaha mempelbagaikan rantaian bekalan dan mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran tertentu, Malaysia muncul sebagai antara destinasi berpotensi mendapat manfaat daripada perubahan itu.

Kekuatan Malaysia dalam sektor semikonduktor, pembuatan, pemasangan dan pembungkusan cip menjadikannya rakan sesuai kepada Jepun yang memiliki kelebihan dalam bidang bahan termaju, peralatan industri dan kejuruteraan berketepatan tinggi.

Selain semikonduktor, kedua-dua negara turut memperkukuh kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan, teknologi digital, tenaga boleh baharu dan keterjaminan tenaga.

Perdana Menteri antara lain mengadakan pertemuan dengan enam syarikat utama dunia iaitu IBM Corporation, Mitsubishi Corporation, ENEOS Corporation, Shizen Energy Inc., DENSO Corporation dan Marubeni Corporation, selain turut menghadiri dialog perniagaan bersama 29 pemimpin konglomerat utama Jepun.

Lawatan ini turut menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum kerjasama serta kemajuan penting dalam hubungan dua hala, seperti perjanjian bekalan gas asli cecair (LNG) jangka panjang antara Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan JERA Co Inc, syarikat tenaga terbesar Jepun, selama 20 tahun bermula 2028 mencerminkan kepentingan sektor tenaga dalam hubungan dua hala yang semakin berkembang.

Kemuncak lawatan ini ialah pertemuan rasmi antara Perdana Menteri dan Perdana Menteri Jepun, Sanae Takaichi, di Kantei yang mana kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai bidang kerjasama strategik termasuk keselamatan maritim, AI semikonduktor, ekonomi digital, pembuatan termaju, mineral kritikal, transformasi hijau dan keterjaminan tenaga.

Kesimpulannya, lawatan rasmi ini memperlihatkan hubungan Malaysia-Jepun sedang berkembang daripada sebuah hubungan berasaskan perdagangan dan pelaburan kepada perkongsian strategik lebih luas.

Dalam suasana geopolitik dan geoekonomi semakin mencabar, kedua-dua negara semakin melihat satu sama lain sebagai rakan jangka panjang dalam bidang teknologi, keselamatan, tenaga dan pembangunan industri masa hadapan.

Perubahan ini berpotensi menjadi asas kepada satu babak baharu dalam hubungan Malaysia-Jepun lebih strategik dan relevan dengan cabaran abad ke-21.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH